

BB878

R GB 08-02 00167

BAH

Mahathir - Derma

KUALA LUMPUR, 8 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan memandang berat terhadap kesengsaraan rakyat di negara-negara Teluk akibat peperangan yang sedang berlaku di rantau itu .

Perdana Menteri berkata oleh itu kerajaan menyokong usaha Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM) memungut derma untuk membantu mangsa-mangsa peperangan itu.

+Malaysia berkecuali dalam konflik ini. Sungguhpun begitu kita berharap konflik ini akan selesai secepat mungkin. Sementara itu rayuan berperikemanusiaan seperti ini patut disokong+, katanya.

Dalam perutusan khasnya pada majlis pelancaran tabung Rayuan Untuk Mangsa-mangsa Perang Teluk PBSMM di sini hari ini, Datuk Seri Dr mahathir berharap wang yang dipungut oleh pertubuhan itu dapat mengurangkan penderitaan mangsa konflik bersenjata itu .

Perutusan Perdana Menteri dibacakan oleh Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Napsiah Omar, selepas menyampaikan cek \$100,000 sumbangan Kerajaan Malaysia untuk tabung itu kepada Pengerusi Kebangsaan PBSMM, Tunku Tan Sri Mohamed Tunku Besar Burhanuddin, di sini. -- Lagi

♥08/02/16-59MST

BB879

R GB 08-02 00153

BAH

Mahathir - Derma 2 Kuala Lumpur

Semasa bercakap kepada pemberita kemudian, Datuk Napsiah berkata Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa mempunyai satu prinsip iaitu memberi bantuan kepada yang cedera di medan pertempuran dan untuk mengatasi penderitaan di mana sahaja.

Katanya, lebih \$300 juta dijangka diperlukan untuk membantu mangsa-mangsa itu .

Datuk Napsiah Omar sendiri secara peribadi telah menyumbang sebanyak \$250 untuk tabung rayuan itu.

Sementara itu, Tunku Tan Sri Mohamed berkata PBSMM mungkin menghantar sukarelawan bagi membantu orang awam, terutama yang cedera dalam Perang Teluk.

Penghantaran sukarelawan ke Teluk itu bergantung kepada beberapa syarat tertentu, termasuk PBSMM mestilah menerima arahan dari Jawatankuasa Palang Merah Antarabangsa dan jumlah permohonan orang ramai yang menawarkan diri menjadi sukarelawan.

+Setakat ini kita belum menerima arahan mengenainya dari Jawatankuasa Palang Merah Antarabangsa yang beribu pejabat di Geneva, Switzerland,+ katanya. -- Bernama

♥08/02/16-59MST